



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50582 KUALA LUMPUR.

Telefon : (03) 26919011
Telefax : KRT MA 30415
Kawat : MINWORK, KUALA LUMPUR
Fax : (03) 26921202
Laman Web: <http://www.jkr.gov.my>



Rujukan : (26)dlm. JKR.KPKR.020.050/03 Klt.8

Tarikh : 1 Ogos 2008

Semua Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR

Semua Pengarah Kerja Raya Negeri

Pengarah Bekalan Air Negeri Pahang

Pengarah Bekalan Air Negeri Sembilan

Semua Pengarah /Pengurus Pembinaan

Pengarah JKR Unit Khas KESEDAR

Semua Jurutera Daerah

SURAT ARAHAN KPKR BIL. 4/2008

PROSEDUR BAGI PEMBAYARAN TERUS KEPADA SUBKONTRAKTOR YANG DILANTIK OLEH KONTRAKTOR UTAMA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menggariskan prosedur bagi membolehkan subkontraktor yang telah menjalankan kerja-kerja bagi pihak kontraktor yang diberikan kontrak kerja Kerajaan ("Kontraktor Utama") mendapat bayaran terus daripada Kerajaan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Kebelakangan ini Kerajaan telah menerima banyak aduan mengenai Kontraktor Utama yang gagal atau enggan membuat bayaran kepada subkontraktor domestiknya bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh subkontraktor berkenaan sungguhpun Kontraktor Utama telah mendapat bayaran daripada Kerajaan.

2.2 Kerajaan memang mengambil berat akan aduan yang diterima dan berpendapat bahawa sekiranya subkontraktor domestik telah menjalankan kerja-kerjanya bagi pihak Kontraktor Utama, maka subkontraktor ini wajar mendapat bayaran daripada Kontraktor Utama.



- 2.3 Masalah subkontraktor domestik yang tidak mendapat bayaran daripada Kontraktor Utama mendapat perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beliau telah memutuskan dalam satu Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet supaya Kerajaan melaksanakan kaedah bayaran terus kepada subkontraktor yang dilantik oleh Kontraktor Utama.

3.0 TATACARA PELAKSANAAN

3.1 Bayaran Terus Kepada Subkontraktor Dan Pembekal Dinamakan Di Bawah Peruntukan Wang Kos Prima

- 3.1.1 Tatacara perolehan bagi kerja-kerja berdasarkan Wang Kos Prima adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Syarat-syarat Kontrak dan peraturan semasa. Setelah perolehan dibuat, Kontraktor Utama, atas arahan Pegawai Penguasa (P.P.) hendaklah membuat satu ikatan kontrak dengan Subkontraktor atau Pembekal Dinamakan dengan menggunakan Borang JKR 203N atau JKR 203P. Semasa pelaksanaan projek, P.P. hendaklah membuat bayaran secara terus kepada Subkontraktor atau Pembekal Dinamakan melalui peruntukan kontrak binaan.

3.2 Bayaran terus kepada subkontraktor yang dilantik oleh Kontraktor Utama ("Subkontraktor Domestik")

- 3.2.1 Selain daripada bayaran terus kepada Subkontraktor/Pembekal Dinamakan, Kerajaan juga akan membuat bayaran terus kepada subkontraktor domestik yang dilantik untuk menjalankan kerja-kerja bagi pihak Kontraktor Utama. Sebelum memulakan apa-apa kerja, Kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan untuk mengsubkontrakkan mana-mana bahagian kerja beserta nama subkontraktor dan nilai yang terlibat kepada P.P. atau Pengarah Projek untuk kelulusan. Bagi tujuan ini, **Surat Setujuterima Tender** yang dikeluarkan kepada Kontraktor hendaklah dimasukkan **Perenggan 7** seperti di **Lampiran 1**. Subkontraktor yang akan dilantik hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dan salinan sijil pendaftaran subkontraktor berkenaan hendaklah disertakan.
- 3.2.2 Kontraktor juga hendaklah mengemukakan permohonannya untuk menyerah hak faedah bagi tujuan bayaran terus dibuat kepada subkontraktor-subkontraktor berkenaan. Contoh format **Suratikatan Penyerahan Hak** antara Kontraktor Utama dengan Subkontraktor Domestik adalah seperti di **Lampiran 2**.
- 3.2.3 P.P. atau Pengarah Projek perlulah meneliti nama-nama subkontraktor serta bahagian-bahagian kerja yang dicadang untuk disubkontrak tentang kesesuaiannya serta pengesahan pendaftaran subkontraktor dengan LPIPM. Sekiranya P.P. atau Pengarah Projek bersetuju dengan permohonan untuk mengsubkontrak kerja tersebut, Kontraktor bolehlah dimaklumkan secara bertulis dan surat persetujuan Kerajaan berkaitan

dengan permohonan penyerahan hak Kontraktor dikeluarkan sebagaimana dalam **Lampiran 3**. Lanjutan daripada itu, bayaran terus bolehlah dibuat kepada subkontraktor-subkontraktor tersebut berdasarkan pengesyoran bayaran kemajuan daripada Kontraktor Utama bagi setiap bayaran kemajuan.

- 3.2.4 P.P. atau Pengarah Projek hendaklah memastikan nilai kerja kontrak yang boleh diserahkan oleh Kontraktor Utama kepada subkontraktor domestik tidak mencakupi nilai Wang Kos Prima serta Wang Peruntukan Sementara.
- 3.2.5 Permohonan Kontraktor untuk penyerahan hak faedah kepada subkontraktor domestiknya hanya boleh dipersetujui sekiranya Kontraktor tiada perjanjian penyerahan hak faedah bayaran projek tersebut kepada mana-mana institusi kewangan atau sekiranya institusi kewangan berkenaan bersetuju terhadap penyerahan hak kepada subkontraktor domestik tersebut secara bertulis. Sehubungan dengan itu, apa-apa tanggungan berkaitan dengan penyerahan hak adalah antara Kontraktor dengan institusi kewangan berkenaan.
- 3.2.6 Perlulah diingatkan apa-apa persetujuan oleh pihak Kerajaan terhadap proses penyerahan hak kerja oleh Kontraktor hanya bertujuan untuk memudahkan bayaran terus dibuat kepada subkontraktor domestik dan bukan mewujudkan ikatan kontrak antara Kerajaan dengan subkontraktor domestik/institusi kewangan berkenaan.

3.3 **Kegagalan Untuk Mendapat Persetujuan Untuk Mengsubkontrak Kerja**

- 3.3.1 Sekiranya Kontraktor tidak mengemukakan permohonan tetapi didapati mengsubkontrakkan mana-mana bahagian kerja atau keseluruhan kerjanya tanpa mendapat persetujuan P.P. atau Pengarah Projek terlebih dahulu, maka ia merupakan satu tindakan kemungkaran di pihak Kontraktor. Sehubungan dengan itu, P.P. atau Pengarah Projek bolehlah mengeluarkan **Surat Amaran** kepada Kontraktor dengan merujuk kepada klausa-klausa yang berkaitan di dalam Syarat-syarat Kontrak. Contoh Surat Amaran adalah seperti di **Lampiran 4**.
- 3.3.2 Sehubungan dengan itu, sekiranya Kontraktor berhasrat untuk meneruskan subkontrak tersebut, Kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan kepada P.P. atau Pengarah Projek untuk mengsubkontrakkan kerja tersebut beserta dengan permohonan penyerahan hak kepada subkontraktor berkenaan bagi baki nilai kerja yang terlibat dalam subkontrak tersebut. Surat Persetujuan Kerajaan kemudiannya hendaklah dikeluarkan oleh P.P. atau Pengarah Projek kepada Kontraktor.
- 3.3.3 Kegagalan Kontraktor untuk mendapatkan persetujuan P.P. atau Pengarah Projek secara bertulis untuk mengsubkontrakkan mana-mana bahagian kerja membolehkan P.P. atau Pengarah Projek mengarahkan Kontraktor membatalkan ikatan subkontrak dengan subkontraktor-subkontraktor

berkenaan dan Kontraktor adalah bertanggung terhadap apa-apa kos atau perbelanjaan yang berkaitan dengan penamatan tersebut.

3.3.4 Sejalan dengan klausa 51(a)(v) Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (Sem. 10/83), klausa 51.1(a)(vii) Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (Sem. 2007), klausa 54.1(e) Syarat-syarat Kontrak JKR DB/T (Edisi 2002) dan klausa 60.1(a)(viii) Syarat-syarat Kontrak JKR DB (Sem. 2007), Kerajaan berhak untuk menamatkan pengambilan kerja Kontraktor sekiranya Kontraktor gagal mematuhi syarat untuk mendapatkan persetujuan terlebih dahulu untuk mengsubkontrakkan mana-mana bahagian kerja kontraknya.

4.0 **Kuatkuasa**

Surat Arahan ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA & CINTAILAH BAHASA KITA”



(DATO' SRI PROF. Ir. Dr. JUDIN BIN ABD. KARIM)
Ketua Pengarah Kerja Raya
Malaysia.

- s.k. - Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan)
 - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
 - Penasihat Undang-undang, Kementerian Kerja Raya
 - Ketua Unit Pengurusan Kualiti JKR
 - Juruukur Bahan Negeri/Unit Khas

JKR 203D – Pind. 7/2008

KERAJAAN

**JABATAN KERJA RAYA
SURAT SETUJUTERIMA TENDER**

Rujukan:

Pejabat:.....

.....
.....
.....

Tarikh:

Kepada:

.....
.....

(Kontraktor)

(Berdaftar dengan PKK dalam Kelas " " Bertaraf Bumiputra/Bukan Bumiputra*)

Tuan,

Tender untuk.....

Sukacita dimaklumkan bahawa Tender tuan bagi kerja-kerja tersebut di atas berharga Ringgit:iaitu RM telah disetujuterima oleh Kerajaan, tertakluk kepada had, syarat dan perjanjian dalam Dokumen Tender yang menjadi asas Tender ini dan juga kepada Surat Setujuterima Tender ini.

2. Tuan dikehendaki menandatangani Perjanjian Kontrak yang formal dengan pihak Kerajaan dalam masa yang terdekat. Walau bagaimanapun, sehinggalah Perjanjian Kontrak yang formal itu ditandatangani, Tender tuan berserta Surat Setujuterima Tender ini akan menjadi kontrak yang sah mengikat antara tuan dan Kerajaan.

- 3. Tuan dikehendaki menyatakan pilihan kaedah Bon Pelaksanaan sama ada -
 - (i) Jaminan Bank / Bank Islam /Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) atau
 - (ii) Jaminan Syarikat Kewangan atau

* Batalkan yang mana tidak berkenaan.

- (iii) Jaminan Insurans/ Takaful atau
- (iv) Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah lima peratus (5%) Jumlah Harga Kontrak.

4. Tarikh milik tapak bina, seperti yang disebutkan dalam Syarat-syarat Kontrak, ialah pada..... Walau bagaimanapun, tuan hanya boleh memulakan kerja setelah tuan menyerahkan kepada Pegawai Penguasa yang berikut:-

- (a) Polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) nilai insurans tidak kurang daripada RM.....;
- (b) Polisi Insurans Kerja: RM.....; dan
- (c) Nombor-nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

Walaupun bagaimanapun, bagi memulakan kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Nota-nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai Penguasa. Tuan dikehendaki menyerahkan polisi-polisi Insurans yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan 4 di atas, dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota-nota Liputan diserahkan.

5. Sekiranya tuan memilih kaedah di para 3(i), 3(ii) atau 3(iii), tuan hendaklah menyerahkan Bon Pelaksanaan bernilai RM dan jikalau gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, Kerajaan berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan.

6. Kegagalan tuan memulakan kerja dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak akan mengakibatkan pengambilan kerja tuan di bawah kontrak ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-syarat Kontrak.

7. Sejar dengan klausa * 27(a) Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (Sem. 10/83) / klausa 47.1 Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (Sem. 2007), tuan tidak boleh mengsubkontrak kesemua atau mana-mana bahagian Kerja tanpa persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa terlebih dahulu. Sebelum memulakan apa-apa kerja, tuan dikehendaki mengemukakan senarai nama-nama subkontraktor berserta salinan sijil pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dengan menyatakan bahagian-bahagian kerja yang terlibat dan nilainya kepada Pegawai Penguasa untuk kelulusan. Sekiranya Pegawai Penguasa meluluskan permohonan tuan untuk mengsubkontrakkan mana-mana kerja, tuan adalah dikehendaki mengikat perjanjian penyerahan hak (*Deed of Assignment*) dengan subkontraktor bagi tujuan bayaran terus dibuat kepada subkontraktor berkenaan.

** Batalkan yang mana tidak berkenaan*

8. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang ditenderkan selama hari/minggu/bulan*, Tarikh Siap untuk seluruh kerja-kerja di bawah kontrak ini ialah

9. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua (2) salinan. Sila kembalikan salinan asal, yang telah ditandatangani oleh tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat ini.

.....
(Tandatangan Pegawai)

Nama Penuh:.....

Nama Jawatan:.....

Untuk dan bagi pihak Kerajaan.

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini bersetuju dengan syarat-syarat di atas dan mengaku penerimaan surat di atas dan salinannya telah disimpan.

.....
Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh:

Atas Sifat:.....

diberikan dengan sempurna untuk

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:

Nama Jawatan:

Alamat:.....

.....

.....
Meterai atau Cop Kontraktor

Tarikh:

Tarikh:

* Batalkan yang mana tidak berkenaan.

s. k.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kewangan,
Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan.

Ketua Penolong Setiausaha,
Cawangan Pembangunan Usahawan Negeri.....,
Kementerian Kerja Raya.

Akauntan Perbendaharaan

Pengarah,
Cawangan Pengurusan Korporat,
Ibu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.

Pengarah Cawangan.....
Ibu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.

Pengarah,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan,
Ibu Pejabat JKR,
Kuala Lumpur.
(u.p: Urusetia Tender)

Pengarah JKR,
Negeri

Pengarah,
Pusat Khidmat Kontraktor,
Kementerian Pembangunan Usahawan,
Kuala Lumpur.

Ketua Eksekutif,
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah,
Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Penolong Pengarah Kanan,
Lembaga Hasil Dalam Negeri.
Cawangan Negeri

DEED OF ASSIGNMENT
(Security for direct payments to third party)

THIS DEED OF ASSIGNMENT is made the.....day of20.....between having its registered office at (hereinafter referred to as "the Assignor") of the one part and (hereinafter referred to as "the Assignee") of the other part.

WHEREAS -

1. The Assignor has been awarded by the Government of Malaysia (hereinafter referred to as "the Government") a contract numbered (hereinafter referred to as "the Contract") for the (hereinafter referred to as "the Works") for the sum of Ringgit (RM.....) (hereinafter referred to as "the Contract Sum").
2. The Assignor has caused work to be executed and/or is desirous of causing *work /supply to be executed and the Assignee has agreed to execute certain *work/supply namely (hereinafter referred to as *"the Subcontract Work"/ the Subcontract Supply) for the Assignor in the fulfillment of his obligations under the Contract.
3. The Assignor is desirous of assigning to the Assignee moneys due and payable to the Assignor under the Contract as payment for the *Subcontract Work/ Subcontract Supply, up to a maximum value of Ringgit..... (RM..... (hereinafter referred to as the "Assigned Sum").
4. The Government has through its authorized representative in a letter dated (attached herewith as Appendix A) given its approval for the assignment by the Assignor to the Assignee moneys due and payable to the Assignor under the Contract.

* Delete whichever is not applicable

NOW THIS DEED WITNESS as follows:

1. The terms of this Deed of Assignment shall be subject to the terms and conditions imposed by the Government or its authorized representative in granting its consent to this Assignment.
2. In consideration of the Assignee having executed and/or agreeing to execute the *Subcontract Work/Subcontract Supply, the Assignor hereby absolutely assigns to the Assignee moneys payable now or hereinafter due and payable to the Assignor under the Contract, not exceeding the Assigned Sum.
3. This assignment shall be irrevocable and shall remain in force for so long as moneys due and payable to the Assignor under the Contract shall remain unpaid by the Government.
4. For the purposes of this Assignment, moneys due and payable to the Assignor under the Contract shall be deemed to exclude moneys due and payable to nominated subcontractors and nominated suppliers who, in accordance with the terms and conditions of the Contract shall be paid direct by the Government to the nominated subcontractors and nominated suppliers.
5. The Assignee shall be paid the value of the *Subcontract Work/Subcontract Supply executed out of moneys due and payable to the Assignor under the Contract in interim payments and the final payment shall be made in accordance with the terms and conditions of the Contract.
6. The amount to be paid to the Assignee in each interim payment shall be ascertained based on claims certified by the Assignor or his authorized representative and submitted by the Assignee to the Superintending Officer named in the Contract or his authorized representative not later than 3 days before the date of interim valuation.
7. In the event of the money due and payable to the Assignor in an interim payment is insufficient to pay the amount due to the Assignee in respect of the *Subcontract Work/Subcontract Supply executed, the deficiency shall be paid to the Assignee in the next and subsequent interim payment(s).
8. If upon final payment under the Contract no money is received by the Assignee or the amount received by the Assignee is less than the total value of the *Subcontract Work/ Subcontract executed, the value of the *Subcontract Work/ Subcontract Supply that remain unpaid shall be a debt due from the Assignor to the Assignee.

* Delete whichever is not applicable

9. The Assignor shall do all things and acts necessary to ensure that the Government pays to the Assignee moneys otherwise due and payable to the Assignor under the Contract in respect of the *Subcontract Work/Subcontract Supply executed by the Assignee.
10. The Assignor shall notify the Government of the execution of this Deed of Assignment by lodging a stamped copy thereof with the Government or its authorised representative.
11. Any charge to this Deed of Assignment and the stamp duty thereof shall be borne by the Assignor.
12. This Deed of Assignment shall be binding upon the successors in title of the parties hereto and, if the party is an individual, upon his heirs, executors and personal representatives.

IN WITNESS WHEREOF the Parties hereto have hereunto set their hands and seals on the day and year first above written.

SIGNED by)
)
Name:)
)
Capacity :)
)
for and on behalf of) _____
(Signature of Assignor)
)
)

(Seal or stamp of Assignor)

in the presence of
Name :)
)
NRIC No.:) _____
(Signature of Witness)
)
Address :)

SIGNED by)
)
Name :)
)
Capacity :)
)
for and on behalf of) _____
(Signature of Assignee)
)
)

(Seal or chop of Assignee)

in the presence of
Name)
)
NRIC No.) _____
(Signature of Witness)
)
Address :)

KERAJAAN MALAYSIA

CONSENT BY GOVERNMENT FOR DIRECT PAYMENT TO THIRD PARTY THROUGH DEED OF ASSIGNMENT

Reference: Office of:

.....

.....

Date :

To: (Contractor)

.....

.....

.....

.....

CONTRACT NO.:

WORK.....

I refer to your application dated seeking the consent of the Government to your proposal to assign part of the Contract Sum by a Deed of Assignment to, the Assignee.

2. Please be informed that the Government has consented to the said assignment as contained in the Deed of Assignment, subject to the terms as follows:

- a. Any obligation imposed upon the Government by the Deed of Assignment shall not in any way prejudice or affect the rights of the Government or the powers of the Superintending Officer under the terms and conditions of the Contract, including those relating to direct payments to nominated subcontractors and nominated suppliers and deductions from any money otherwise due to you under the Contract.
- b. Any payment made to the Assignee shall be deemed to be a payment as if the same is paid to you under the terms and conditions of the Contract and shall constitute a sufficient and valid discharge of the obligations of the Government under the Contract to the extent of such payment.
- c. No terms of payment including any term for the payment of interest for delayed payments which the Assignee may impose upon you shall be imposed upon the Government by the Deed of Assignment.

- d. You shall be liable and shall indemnify the Government against any damage, expense, liability and loss whatsoever suffered by the Government in the event of any claim or action taken by the Assignee arising from the Assignment.

3. Kindly acknowledge receipt of this letter and confirm acceptance by the Assignee and yourself of the terms stipulated above by appending your signature and returning the same to me.

Yours faithfully,

.....
(Superintending Officer)

I/We acknowledge receipt of the above Consent of the Government and confirm my/our acceptance of the terms imposed.

.....
Signature of Assignor

.....
Signature of Assignee

Name :

Name :

Capacity :

Capacity :

for and on behalf of

for and on behalf of

.....
(Seal or stamp of Assignor)

.....
(Seal or stamp of Assignee)

CONTOH SURAT AMARAN

.....
.....
.....
.....

(Nama dan Alamat Kontraktor)

Tuan,

No. Kontrak:

Projek::

.....

.....

Per.: Mengsubkontrak Sebahagian Kerja/Keseluruhan Kerja*

Adalah saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah didapati pihak tuan telah mengsubkontrakkan bahagian kerja/keseluruhan kerja* pembinaan tuan di tapak bina. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum tindakan tuan ini adalah bercanggah dengan peruntukan klausa 47.1 Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (Rev. 2007)/klausa 27(a) Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (sem. 10/83)*, di mana pihak tuan dikehendaki mendapat persetujuan daripada Pegawai Penguasa terlebih dahulu.

3. Sekiranya pihak tuan masih enggan mendapat kelulusan daripada P.P. berkaitan dengan tindakan mengsubkontrakkan bahagian kerja/keseluruhan kerja tersebut, tindakan boleh diambil terhadap tuan sejajar dengan *klausa 51 (a)(v) Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (sem.10/83)/klausa 51.1(a)(vii) Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (Rev. 2007)/ klausa 54.1(e) Syarat-syarat Kontrak JKR DB/T (Edisi 2002)/ klausa 60.1(a)(viii) Syarat-syarat Kontrak JKR DB (Sem.2007).

4. Sehubungan dengan itu, sekiranya pihak tuan berhasrat untuk meneruskan subkontrak tersebut, sila kemukakan permohonan untuk mengsubkontrakkan bahagian kerja berkenaan kepada Pejabat ini dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh surat ini.

* Batalkan yang mana tidak berkenaan

5. Sekiranya permohonan tuan dipersetujui, tuan adalah dikehendaki mengikat perjanjian penyerahan hak (*Deed of Assignment*) dengan subkontraktor tuan mengikut format sebagaimana contoh yang dilampirkan bersama ini bagi tujuan bayaran terus dibuat kepada subkontraktor berkenaan.

Sekian, terima kasih.

”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Pegawai Penguasa)